

21 JAN 2000

Samy Vellu-Komuter

KHIDMAT KTM KOMUTER AKAN DISAMBUNG KE BATU CAVES

KUALA LUMPUR, 21 Jan (Bernama) -- Kerajaan bersetuju untuk membina landasan kereta api berkembar antara Sentul dan Batu Caves bagi membolehkan perkhidmatan komuter Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) diteruskan sehingga ke Batu Caves.

Menteri Kerja Raya Datuk Seri S. Samy Vellu berkata sebuah syarikat swasta telah diberi tanggungjawab membina landasan berkenaan bagi memudahkan penganut Hindu dan pelancong melawat Batu Caves.

"Sebuah stesen komuter akan dibina di Batu Caves dan ia akan mempunyai ciri-ciri senibina pengaruh Hindu," katanya kepada pemberita selepas menghadiri majlis sambutan Thaipusam di Batu Caves, di sini hari ini.

Perkhidmatan KTM Komuter sekarang adalah di antara Pelabuhan Klang dan Sentul dan dari Rawang hingga ke Seremban.

Beliau berkata syarikat swasta berkenaan juga bersetuju menghadihkan sebuah kenderaan bermotor berharga RM50,000 bagi membolehkan dewa "Murugan" diarak dari Kuil Sri Maha Mariaman di Jalan Tun H.S. Lee di ibu negara ke Kuil Sri Subramaniaswamy di Batu Caves.

Sebelum ini, dewa Murugan diarak menggunakan kereta berhias yang diperbuat daripada perak yang ditarik oleh lembu jantan.

Mengenai cadangan untuk menjadikan Thaipusam sebagai cuti am di seluruh negara, Samy Vellu, yang juga Presiden MIC, berkata beliau telah mengemukakan cadangan itu kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Dr Mahathir meminta MIC membuat permohonan secara terus kepada negeri-negeri yang belum menjadikan Thaipusam sebagai cuti am," katanya.

Setakat ini Selangor, Pulau Pinang, Perak, Negeri Sembilan dan Johor mengisytiharkan Thaipusam sebagai cuti am.

Samy Vellu berkata beliau akan mengadakan perbincangan dengan kerajaan negeri Melaka, Kedah dan Pahang bagi membolehkan Thaipusam diisytiharkan sebagai cuti am di negeri berkenaan.

Ditanya mengenai rancangan pembangunan di kawasan Batu Caves, Samy Vellu berkata pihaknya akan membina sebuah asrama yang mempunyai 100 bilik dan menyediakan perkhidmatan kereta kabel di situ bagi kemudahan penganut Hindu dan pelancong.

Sebuah jejantas yang menyeberangi Sungai Batu akan dibina bagi memudahkan orang ramai berulang alik dari stesen komuter Batu Caves ke kawasan kuil, katanya.

-- BERNAMA

NY AKD